

DATE: 6 / 11 / 2009

Dr. Mahathir terima anugerah Tokoh Takaful

MM - 6/11/09

KUALA LUMPUR 5 Nov. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad malam ini menerima anugerah Tokoh Takaful 2009 daripada Persatuan Takaful Malaysia (MTA) sebagai menghargai sumbangannya dalam membangunkan industri insurans berlandaskan prinsip syariah.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah pada Majlis Makan Malam MTA di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Turut hadir isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Mohd. Razif Abdul Kadir dan Pengerusi MTA, Datuk Syed Moheeb Syed Ka-

marulzaman.

Ahmad Husni dalam ucapannya berkata, rakyat negara ini amat terhutang budi kepada Dr. Mahathir kerana ketika menjadi Perdana Menteri telah mengambil langkah ber-sungguh-sungguh membangunkan industri takaful di Malaysia sehingga ia berkembang pesat.

“Pada Oktober 1982, iaitu hanya selepas setahun menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri keempat, beliau telah menubuhkan pasukan petugas khas bagi mengkaji adakah boleh diwujudkan syarikat insurans Islam di negara ini.

“Tun sebenarnya banyak terlibat bagi memastikan industri takaful mendapat sokongan kuat daripada

kerajaan dan sokongan ini telah berterusan sehingga sekarang,” ujarnya.

Beliau berkata, ucapan terima kasih kepada Dr. Mahathir sebenarnya adalah tidak mencukupi jika dibandingkan sumbangan besar beliau kepada industri berkenaan.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, semua pihak seharusnya berbangga kerana takaful Malaysia kini memberi sumbangan sebanyak satu perempat daripada keseluruhan nilai industri itu di seluruh dunia.

“Bagi memperbanyakkan lagi sumbangan ini, syarikat takaful tempatan perlu meningkatkan lagi kemahiran kakitangan mereka bagi membolehkan mereka dapat terus bersaing di peringkat global,” ujarnya.



TUN Dr. Mahathir Mohamad menerima anugerah Tokoh Takaful 2009 daripada Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah pada Majlis Makan Malam MTA di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, malam tadi.